

# **Hubungan Dagangan Arab dengan Dunia Melayu**

Oleh:

TunSuzana@ Suzana Hj Othman

## Pengenalan

Apabila disebut Alam Melayu, Gugusan Pulau-Pulau Melayu ataupun Alam Melayu, dalam konteks geografi yang kita tahu hari ini ianya dimaksudkan dengan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Kepulauan Indonesia<sup>1</sup>, Brunei (utara Kalimantan), Filipina<sup>2</sup> dan Patani (selatan Siam).

Di zaman kuno, Alam Melayu merupakan benua yang besar dengan penduduk asal yang menempati belahan dunia sebelah sini semenjak berpuluh ribu tahun dahulu, dikenali sebagai Benua Sunda. Kemudian berlaku beberapa siri banjir besar khususnya pada 14,000, 11,000 dan 8,000 tahun yang lalu sehingga menyebabkan sebahagian besar dari benua ini tenggelam, lalu menemukan bentuknya seperti yang kita tahu pada hari ini.

Tiga natijah dari banjir besar yang melanda Benua Sunda adalah:

1. Orang Melayu-Polynesia mula membina ketamadunan perkapalan dan pelayaran sehingga menjadi mahir
2. Alam Melayu mula menerima kunjungan tetamu dari pusat-pusat dagangan dunia seperti Mesir, Yaman, Parsi, India dan China. Belakangan baru muncul kaum Eropah
4. Nama pusat-pusat dagangan di Alam Melayu mula tersebar di seluruh pusat-pusat dagangan dunia, seperti Samudera, Pasai, Kedah, Melaka, Jambi, Palembang dan sebagainya. Komoditi-komoditi dagangan yang di tawarkan di Alam Melayu seperti kapur barus, emas, rempah, minyak gaharu, damar, manik dan sebagainya menjadi tarikan dan minat yang besar dari pusat-pusat ketamadunan dan perdagangan dunia yang besar di waktu itu

be accomplished before or after the rains) and allows two or even three crops a year in some areas. But in the rare years when the rains fail, drought and famine are particularly disastrous.

Another consequence of the monsoons was that once sailors had mastered the winds, they were able to take advantage of an enormous natural energy source for travel and trade. These were the winds of southernization.

*Malay Sails.* The sailors of the Malay Peninsula learned to navigate the monsoon winds sometime in the first millennium BCE. Malay

and Malay-Polynesian peoples were the first in the world to navigate the open seas, and they did so long before the invention of the compass. They were able to sail the vast Pacific by careful observation of the stars, ocean waves and swells, cloud patterns, bird movements, and the fish and plant life in the water. Able to sense islands 30 miles away, they settled the islands of the Pacific from the coasts of Southeast Asia to Easter Island. Others charted the Indian Ocean to the coast of East Africa.

The earliest sailing ships were fairly simple. Egyptian sailors on the Nile needed only

Sumber:

The Human Journey: A Concise Introduction to World History oleh Kevin Reilly

---

<sup>1</sup>Mengandungi sekitar 3,000 buah pulau termasuk Kalimantan Selatan, Sumatera, Tanah Jawa, Sulawesi dan Irian Barat

<sup>2</sup>Mengandungi sekitar 7,000 buah pulau, termasuk Mindanao, Sulu dan Luzon

## **Kepentingan Selat Melaka**

Semenjak zaman-berzaman daerah-daerah yang terletak di gugusan pulau-pulau Melayu telah mendapat manfaat besar atas kedekatan dengan urat nadi lalu lintas antarabangsa yang merupakan pintu-pintu sempit yang mesti dilalui oleh kapal-kapal yang berulang alik diantara Lautan Hindi dan Laut China Selatan, membawa berbagai barang dagangan serta para pedagang dari berbagai bangsa<sup>3</sup>.

Malahan kedudukan Selat Melaka yang strategik disebabkan lokasinya yang terletak diantara Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, menjadikannya berfungsi sebagai pintu masuk bagi jaluran pelayaran serta perniagaan antarabangsa sejak abad berabad, daripada dunia Barat, Timur Tengah dan India kepada negara China yang merupakan empayar besar, hebat, kaya dan makmur pada zaman dahulu.

Tradisi pelayaran saudagar-saudagar Arab ke Alam Melayu terus berkekalan sehingga ke zaman kemunculan Islam di Tanah Hijaz yang dibawa oleh Nabi Muhammad Ditambah pula dengan keunikan serta kepentingan hasil mahsul yang ditawarkan oleh alam semulajadi Melayu seperti rempah ratus, kapur barus, wangi-wangian (contohnya ambar) dan sebagainya, sehingga menyebabkan rantau ini bukan sahaja berperanan penting dalam dunia perdagangan antarabangsa, malahan memudahkan penetrasi kebudayaan bangsa-bangsa yang datang untuk melakukan barter-barter dagangan disamping mengembangkan ideologi-ideologi mereka, termasuklah bangsa-bangsa Islam<sup>4</sup>.

Atas kedudukan yang strategik inilah rantau ini telahpun mempunyai hubungan dagangan dengan kerajaan-kerajaan dari tamadun kuno di Timur Tengah seperti Mesir tua dan Yaman, jauh lebih lama sebelum kedatangan pedagang-pedagang dari dunia Barat, malahan sebelum kemunculan Islam itu sendiri.

Saudagar-saudagar Timur Tengah ini datang melalui pelabuhan Aden di Yaman (bahagian selatan Semenanjung Arab) menuju ke Gujerat, Kambey, Sailon (Sri Lanka) dan dari sini bertolak ke gugusan Pulau-Pulau Melayu<sup>5</sup>.

Dikatakan tentang kaum Sabaeen dari Yaman yang mempunyai tamadun tinggi serta kepakaran dalam pelayaran sehingga berjaya menguasai perdagangan di Lautan Hindi<sup>6</sup>. Kaum ini telahpun mengunjungi Alam Melayu semenjak sebelum tahun Masihi lagi dan mereka memperdagangkan berbagai jenis manik di rantau

---

<sup>3</sup>Contohnya kapal-kapal Greek yang tiba di Alam Melayu pada abad pertama Masihi, saudagar-saudagar Parsi pada abad ke 3 Masihi serta saudagar-saudagar India dan China

<sup>4</sup>Ini berikutan kapal-kapal dagangan terpaksa menunggu keadaan angin monsun yang sesuai untuk belayar bagi suatu tempuh samada bagi meneruskan pelayaran ke negeri China ataupun untuk pulang ke Asia Barat dan Timur Tengah. Sementara menunggu ini diwujudkan koloni-koloni sementara yang membuka peluang para saudagar untuk berkenalan serta membuat hubungan dengan masyarakat tempatan. Sehingga menular pula pengaruh agama dan budaya saudagar-saudagar ini ke atas masyarakat tempatan seperti agama Parsi kuno (menyembah api), Hindu, Buddha, dan kemudiannya agama Islam.

<sup>5</sup>Prof Madya Dr Wan Hussein Azmi, tesis *Islam di Aceh:Masuk dan berkembang hingga ke abad XVI (1568)*, Jbt Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm 3.

<sup>6</sup>Kewujudan kaum Sabaen ada disebut dalam kitab Al-Quran sebagai pernah mempunyai seorang raja perempuan bernama Puteri Balkis yang kemudiannya berkahwin dengan Nabi Sulaiman as (*An Naml: 22-44*). Sesetengah riwayat menyebut tentang asal-usul bangsa Bugis (Sulawesi) dari keturunan Puteri Balkis ini.

ini<sup>7</sup>. Daripada pusat pelayaran mereka di Aden, kaum Sabaeen sering mengunjungi pelabuhan Tiongkok melalui Selat Melaka dan tradisi ini dikekalkan sejak zaman berzaman.

Malahan mereka juga membuat perdagangan dengan Syam (Syria), Palestin, Damsyik dan Iraq di utara Jazirah Arab. Mereka melalui jalan Mekah yang terletak padanya rumah Kaabah yang suci dan sentiasa dikunjungi oleh berbagai kabilah Arab sejak turun temurun, selain menjadi tumpuan dagangan yang besar pada musim-musim haji. Yaman pula menjadi tumpuan saudagar Arab Quraisy pada musim sejuk.

Maka demikianlah keadaan para pedagang dan pengembara Arab di selatan Semenanjung Arab, berulang alik diantara Kepulauan Melayu dengan bahagian utara Jazirah Arab sejak kurun berkurun. Mereka sentiasa berhubungan dengan rakan-rakan pedagang di Tanah Arab, di bandar suci Mekah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawarrah.

Apabila mereka pulang ke tanah air membawa barang-barang dagangan yang diperolehi daripada negeri India, China dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu, terus ke pusat perniagaan di Syam, Damsyik dan Iraq, melalui dan mengunjungi kota suci Mekah dan Madinah, sedangkan saudagar-saudagar Arab Quraisy pula berulang-alik ke Yaman pada musim sejuk.

### **Hubungan Dagangan Eropah Dengan Arab**

Pada zaman dahulu, para pedagang Arab adalah golongan yang menjadi penghubung dalam rangkaian hubungan dagangan antarabangsa diantara dunia barat dan timur. Walaupun telah wujud hubungan dagangan diantara Eropah dengan India dari zaman kuno, hubungan tersebut bukanlah secara langsung tetapi perlu melalui Timur Tengah.

Melalui bandar-bandar pelabuhan di Kambey dan Gujerat, pedagang-pedagang Arab dan yang lain dari Oman, Yaman, Hadramawt dan Teluk Parsi membawa komoditi dagangan dari India, Alam Melayu dan China, langsung ke Syria dan Mesir. Dari situlah komoditi-komoditi dijual ke seluruh Eropah.

Apatah lagi selepas penaklukan Mesir dan Parsi oleh orang-orang Islam pada abad ke 7 Masihi, orang-orang Arab memonopoli sepenuhnya hubungan dagangan antarabangsa diantara timur dan barat.

---

<sup>7</sup>Ini berdasarkan penemuan hampir 600 jenis manik di Johor Lama. Wujud juga persamaan skrip orang Arab Sabaeen dengan beberapa lambang yang diukirkan di Borobudur dan pagoda-pagoda yang lain di Asia Tenggara. Sejarawan barat juga merujuk kepada beberapa persamaan antara unsur-unsur budaya Mesir tua dengan budaya Jawa. Rujuk Phillip K Hitti, *History of the Arabs*, London, 1956, hlm 45-50 dan G.R Tibbitt, *Pre Islamic Arabia and South East Asia*, JMBRAS, 29 1956, hlm 205-206

## **Para Pedagang Arab Menguasai Dagangan Dunia Timur**

Di zaman pemerintahan khalifah-khalifah Umayyiah dan Abbasiyah, lalu lintas perdagangan diantara Lautan Hindi dengan Asia Timur telah jatuh ke dalam genggamannya umat Islam sehingga mendatangkan kecemburuan pada kuasa-kuasa Kristian di Eropah.

Prof Hamka dalam bukunya *Sejarah Umat Islam* hlm 425 menyebut:

*“Teranglah bahawa sampai kepada abad ke 15, sebelum munculnya bangsa Portugis, perniagaan di Lautan Hindi sampai ke Tiongkok, melalui pulau-pulau Melayu adalah seluruhnya di tangan Arab. Bahkan Alfonso de Albuquerque ketika hendak menyerang Melaka dan dalam pertualangannya membuka pusat perniagaan di Goa (India), telah memakai penunjuk jalan orang-orang Arab.”*

Seawal masa pemerintahan Khalifah Usman ibn Affan para mubaligh Arab, hatta para sahabat Nabi SAW sendiri telah sampai ke Tiongkok. Mereka belayar melalui lautan India dan laut Tiongkok menuju pelabuhan Kwangjou di Tiongkok Selatan. Pada masa itu Tiongkok berada di bawah pemerintahan Dinasti T'ang (618-907), yang mengambil pendirian membuka pintu masuk seluas-luasnya untuk kedatangan orang-orang luar sehingga berlakulah hubungan dagangan yang pesat dengan empayar Islam.

Pedagang dan pelaut Arab yang belayar ke Tiongkok mesti melintasi Selat Melaka lalu singgah di pelabuhan-pelabuhan di pesisiran pantai Selat Melaka, kemudian terus menuju ke pelabuhan-pelabuhan lain di Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Sejarahwan dan pengembara Arab<sup>8</sup> pada abad ke 8-10 Masihi seperti Ibn Khurdadhbih, Baladhuri, Tabari, Abu Zaid dan Abu Dulaf telah memberikan banyak maklumat tentang tempat-tempat dan pelabuhan-pelabuhan yang dikunjungi oleh pedagang dan pengembara Arab pada zaman awal Islam.

Mereka menyebut tentang kerancakan hubungan dagangan diantara para pedagang Arab dengan Tiongkok sehingga perlu melalui pelabuhan-pelabuhan yang bertaburan di daerah-daerah Melayu yang tidak kurang menarik dengan hasil-hasil tempatan. Antara tempat-tempat yang menjadi persinggahan mereka waktu itu ialah Kedah, Champa, Tioman, Pahang, Jawa, Melayur (Jambi dan Palembang) dan Sriwijaya.

Sumber-sumber lama China juga ada menyebut tentang para perantau Arab yang beragama Islam sejak tahun 600 Masihi sudah banyak ditemukan yang bermukim di Aceh. Seorang biksu Tionghua I Shing mencatatkan bahawa dalam tahun 672 Masihi ketika ia berangkat dari Canton ke India melalui Selat Melaka ia sempat singgah di beberapa pelabuhan pantai Barat Sumatera di bahagian Aceh dan menemui orang-orang Arab Muslim yang disebutnya sebagai Ta-Cheh dalam loghat China, yang bermaksud bangsa Parsi<sup>9</sup>

Terdapat juga dalam catatan lama China tentang perutusan yang dihantar pada tahun 674-675 Masihi oleh seorang Raja Arab (Raja Ta-Cheh) ke Tanah Jawa

---

<sup>8</sup>Rujuk G.R Tibbett, *The Malay Peninsula as known to the Arab geographers*, MJ T6 9 (1956), hlm 21-43

<sup>9</sup>Drs Tgk H. Ameer Hamzah, *Sejarah Masuk dan berkembangnya Islam di Perlak/Pasee/Aceh*, seminar bersempena Majlis Ijtimak Ulama Pondok Se-Alam Melayu ke-2, Yayasan Al-Jenderami, Dengkil, Selangor pada 12-14 April 2007, hlm 7

(Cho' Po) dalam masa pemerintahan kerajaan Kalingga (Ho-Ling), dan Raja Arab yang dimaksudkan itu tidak lain melainkan Muawiyah bin Abi Sufyan<sup>10</sup> yang merebut kekuasaan dari Sayyidina Ali kmwjh dalam tahun 657 Masihi. Beliau meninggal dunia pada tahun 680 Masihi.

Berkemungkinan orang-orang Arab Muslimin yang ditemui I Shing dalam pelayarannya di Aceh, Sumatera dalam tahun 672 adalah utusan sama yang dihantar oleh Khalifah Muawiyah dan sampai ke Tanah Jawa dalam tahun 674-675 itu.

Para pedagang Arab yang berlabuh di pelabuhan-pelabuhan rantau ini bermukim untuk tempuh beberapa bulan kerana menunggu keadaan angin monsun untuk meneruskan pelayaran, disamping menambah perbekalan, bahkan juga untuk melakukan barter perdagangan dengan penduduk setempat. Malahan tempuh ini juga memberi peluang kepada saudagar Muslimin serta mubaligh-mubaligh agama menyebarkan dakwah Islamiyyah yang sememangnya menjadi tanggungjawab umat Rasulullah SAW.

Sehingga seringkali berlaku juga perkahwinan diantara saudagar-saudagar mahupun mubaligh-mubaligh Arab dengan wanita-wanita tempatan, malahan perkahwinan alim-ulama bertitisan Rasulullah SAW dengan pemuka-pemuka masyarakat, hatta dengan puteri-puteri golongan bangsawan atau raja yang memerintah.

Hal ini dikesan seawal abad ke 9 Masihi di daerah Perlak (Aceh) sehingga menerbitkan kesultanan Islam yang pertama di Alam Melayu, diperintah tidak lain melainkan oleh cucu-cicit Nabi SAW sendiri.

---

<sup>10</sup>Hamka, *Sejarah Umat Islam*, op.cit, hlm 670-672 Muawiyah adalah Khalifah Islam yang pertama sekali mendirikan armada angkatan laut dan Biro Penyelidik bagi negara-negara luar.

## **LAMPIRAN**

### **Kemunculan Kuasa Barat di Alam Melayu**

Portugis dan Sepanyol ialah dua penjajah Kristian terawal di Alam Melayu yang berasal dari rumpun yang sama dengan kedudukan negeri yang berjiran. Kedua-dua negara ini juga mempunyai sejarah yang sama dalam konteks pertalian dengan dunia Islam. Dari abad ke 8 hingga 15 Masihi mereka berdua menempuh peperangan yang berlanjutan dengan orang Islam yang menaungi hampir seluruh Semenanjung Iberia, dimana terletaknya kedua-dua negara ini.

Suasana permusuhan diperhangatkan dengan peristiwa Perang Salib<sup>11</sup> yang bermula dari kawasan selatan Syria dan merebak hingga ke Sepanyol, diantara tentera Islam dan Kristian selama beberapa abad lamanya. Dalam Perang Salib, kaum Kristian di Syria dan Palestine telah dihambat keluar oleh tentera Islam di bawah pimpinan Salahuddin Al-Ayubbi (Saladdin). Ini menyebabkan pihak Kristian berdendam dengan umat Islam dan menanam cita-cita untuk melumpuhkan kekuatan Empayar Islam<sup>12</sup> yang meluas itu. Walaupun Kristian mengalami kekalahan di Syria dan Palestine, namun mereka berjaya menakluk kembali Sepanyol<sup>13</sup>.

Bagaimanapun, ini tidak dapat meredakan perseteruan mereka dengan Islam. Kota Konstantinopal yang kemudiannya telah jatuh dalam genggaman Dinasti Turki Othmaniyyah dalam tahun 1453M telah menyemarakkan lagi api permusuhan Islam-Kristian yang telah sedia membara itu.

Keutuhan ekonomi Islam juga menjadi satu lagi alasan yang menaikkan kesumat pihak Kristian pada waktu itu. Lalu lintas perdagangan diantara Lautan Hindi dengan Asia Timur yang berada dalam genggaman umat Islam telah mencetuskan suatu rangsangan pada pihak Kristian bagi mencari ikhtiar menggugat sumber kekuatan ekonomi mereka kerana sedar bahawa kekuatan militer Empayar Islam sukar ditembusi. Selain itu, pihak Kristian juga mahu menyekat saluran penting penyebaran dakwah ilal'Lah umat Islam di merata pelosok muka bumi, dimana melalui saluran perdagangan jalan laut, ianya membuka ruang kesempatan seluas-luasnya bagi syiar Islam disebarkan di pusat-pusat perdagangan sedunia.

Restu dari Vatican untuk mengembangkan agama Kristian Katholik dan menghancurkan orang-orang Islam di mana sahaja mereka berada yang diperolehi dalam Perjanjian Tordesillas dalam tahun 1494 Masihi telah memberi suatu semangat dan kekuatan kepada Sepanyol dan Portugis, yang merupakan dua

---

<sup>11</sup> Perang salib berlangsung dari abad ke 11 sehingga 13 Masihi. Pada mulanya dibuat atas tujuan keagamaan (iaitu mahu membebaskan Jerusalem dari naungan umat Islam ), namun kemudiannya lebih bertujuan ekonomi. Disebut 'Perang Salib' kerana kaum Kristian yang berperang menggunakan tanda salib sebagai simbol perjuangan mereka

<sup>12</sup> Pada mulanya tentera Kristian dapat menawan Jerusalem. Namun kemudiannya tentera Islam di bawah pimpinan Salahuddin Al-Ayubi dapat merampas semula. Loceng gereja yang digantung di Masjidil Al- Aqsa diganti dengan azan dan salib emas yang tersergam diturunkan.

<sup>13</sup> Dalam masa pemerintahan Muhammad XI (1487-1492M) , berpusat di Granada

kuasa politik Kristian yang terbesar di waktu itu, untuk menguasai dan mengkristiankan dunia.

Mereka menganggap Perjanjian Tordesillas sebagai suatu tugas dan amanah suci yang harus dilaksanakan dengan baik. Hasrat ini dizahirkan apabila dalam siri penerokaan kapal-kapal layar Portugis dan Sepanyol, jelas terdapat bendera-bendera dan simbol-simbol salib di bahagian layar kapal mereka. Pengembaraan mereka juga disertai oleh para paderi Kristian Katholik yang mengembangkan agama Kristian di kawasan-kawasan yang disinggahi. Kelengkapan dan peralatan militer juga dibekalkan bagi maksud memerangi orang-orang Islam jika perlu. Dalam tahun 1542M, para paderi Kristian yang dipanggil 'Jesuit' memulakan suatu upacara keagamaan Kristian dengan memercikkan 'air suci' serta memacakkan tiang salib di kawasan-kawasan yang diterokai sebagai tanda simbolik bahawa kawasan itu menjadi jajahan kerajaan Kristian Portugis dan Sepanyol secara rasmi.

Berlatarbelakangkan suasana ini, maka kaum Kristian di Sepanyol dan Portugis telah melancarkan siri ekspedisi besar-besaran ke timur. Bagaimanapun oleh kerana satu-satunya jalan perdagangan laut ke timur adalah di bawah kuasa empayar Islam yang sangat kuat pada masa itu, maka puak Kristian Sepanyol bertekad mencari jalan laut alternatif lainnya bagi maksud tersebut.

Salah seorang ketua ekspedisi yang terkemuka dalam sejarah, Christopher Columbus tidak menjumpai timur tetapi menjumpai Amerika Utara dan Selatan, lalu membuka jalan penjajahan Sepanyol di benua Amerika yang menyebabkan kerajaan-kerajaan tempatan seperti Aztec dan Inca tumbang. Pihak Sepanyol lalu mengkristiankan benua Amerika dan rakyat asli benua ini dijatuhkan taraf sebagai rakyat kelas dua oleh penjajah Sepanyol.

Orang Eropah pertama yang sampai ke Cape adalah seorang pengembara Portugis yang bernama Bartolomew Diaz, sampai dalam tahun 1488 Masihi. Beliau menamakan tempat tersebut '*Cape of Storms*' atau Tanjung Taufan. Kemudian ditukar namanya kepada '*Cape of Good Hope*' atau Tanjung Pengharapan oleh Paus Rome bersempena harapan orang-orang Eropah waktu itu agar tanjung ini menjadi suatu jalan laut alternatif ke dunia timur (India dan Alam Melayu) yang membolehkan pelayaran dibuat tanpa melalui pusat-pusat pelabuhan yang dibawah penguasaan Islam di Jazirah Arab. Di sini bermulalah era kedatangan kuasa-kuasa besar Eropah ke Alam Melayu yang menjadi suatu anjakan paradigma yang besar kepada lanskap politik Melayu sehingga mencetuskan berbagai konflik agama dan sejarah.

Dalam tahun 1497 Masihi, Vasco Da Gama, seorang lagi pengembara Portugis juga telah membuat pelayarannya ke sini, namun ekspedisinya lebih berjaya daripada Bartolomew Diaz kerana Vasco Da Gama telah dapat belayar pada jarak yang lebih jauh. Bersempena kejayaan kedua-dua pengembara Portugis ini ke Tanjung Pengharapan, kerajaan Portugis telah membina dua petunjuk



navigasi laut iaitu *Dias Cross* dan *Da Gama Cross* bersempena nama-nama mereka di tebing Tanjung Pengharapan.

Penemuan dan penerokaan dunia baru oleh para pengembara dan pelaut Portugis dan Sepanyol dalam abad ke 15 Masihi telah menaikkan kedua-dua negara barat ini sebagai kuasa terawal di kalangan negara-negara Kristian di Eropah. Penemuan jalan alternatif yang strategik ke timur itu telah memberi laluan kepada kuasa-kuasa Barat untuk berpusu-pusu melancarkan ekspedisi demi ekspedisi ke Alam Melayu<sup>14</sup>. Susulan dari sini terbukalah tirai sejarah kemunculan bangsa-bangsa Eropah di Alam Melayu yang legasinya masih tetap dirasai sampai saat ini.

---

<sup>14</sup> Ekspedisi-ekspedisi bangsa Eropah sebenarnya diilhamkan dari ekspedisi-ekspedisi umat Islam yang menjalankan kegiatan perdagangan dan dakwah menerusi siri ekspedisi mereka itu. Antara pengembara Islam yang terkenal ialah Ibni Battutah, Ibn Jubayr dan Ibn Majid. Ibn Majid telah diperas ugut untuk memandu Vasco Da Gama dalam salah satu siri pelayarannya sehingga ke Alam Melayu.